

| | | | |
|------------|---------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Erat hubungan antara kaum | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 28 May 2013 | Color | Full Color |
| Section | Variasi | Circulation | 324,097 |
| Page No | V14 | Readership | 1,981,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 433 cm ² |
| Journalist | Siti Zarinah Sahib | AdValue | RM 15,992 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 47,975 |



Erat hubungan antara kaum

Golongan muda dan tua diajak serta projek Sesi Jamming CeCerita

Oleh Siti Zarinah Sahib

sitizarinah@mediaprima.com.my

Bertujuan mendidik anak muda melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman berkaitan dengan kesihatan dan kesejahteraan manusia Persatuan Kreativiti & Inovasi Malaysia (Macri) yang baru saja ditubuhkan Disember 2012 lalu melancarkan projek bertajuk Sesi Jamming CeCerita bertujuan mengumpulkan semua kaum untuk datang menikmati keindahan serta sama-sama berkongsi cerita di dalam kawasan kehijauan di Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM).

Ia sekali gus menggalakkan komunikasi di antara generasi muda dan tua menerusi pertandingan mudah iaitu merakamkan kisah hidup generasi tua kemudian melalui penggunaan

aplikasi multimedia akan menterjemahkan ke dalam video tiga minit atau gambar yang dirakamkan. Kisah paling kreatif serta gambar menarik ini akan terpilih sebagai pemenang serta berpeluang memenangi hadiah utama.

Acara dirasmikan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod yang bertemu dengan hampir 200 peserta terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum daripada semua peringkat umur.

Katanya, acara Sesi Jamming CerCerita bertujuan menggalakkan semangat perpaduan dengan kepelbagaiannya etnik dan budaya di Malaysia selain mengingatkan mereka mengenai keamanan yang dikecapi sejak sekian lama dan harus dikenalkan menerusi perpaduan dan persefahaman selain perlu menghormati setiap etnik dan budaya pelbagai kaum di sini.

"Sebagai sebuah nega-

ra yang berpegang kepada semangat yang mulia ini, pintu untuk perbincangan dengan kumpulan etnik yang berbeza di dalam masyarakat mesti sentiasa terbuka," katanya.

Menurut Pengarah Projek Datuk Dr Marzalina Mansor, CerCerita Sesi Jamming menawarkan satu platform terbaik iaitu perkongsian cerita bersama warga emas dan belia dalam suasana santai dan semula jadi.

Bagi Presiden Macri, Datuk Shaik Sulaiman apa yang difikirkan adalah ingin mencatat petua atau cerita dongeng lama ke dalam buku bagi memberi peluang generasi muda membaca dan mendapatkan faedahnya.

Orang ramai yang ingin mengetahui mengenai Projek Linkages boleh melayari laman sesawang www.linkages.my atau www.facebook.com/projectlinkages untuk menghantar penyertaan.

| | | | |
|------------|---------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Erat hubungan antara kaum | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 28 May 2013 | Color | Full Color |
| Section | Variasi | Circulation | 324,097 |
| Page No | V14 | Readership | 1,981,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 433 cm ² |
| Journalist | Siti Zarinah Sahib | AdValue | RM 15,992 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 47,975 |



REMAJA khusuk mendengar cerita daripada generasi tua.